

Yakin situasi ekonomi dapat dipulihkan

Labuan FSA optimis Labuan sebagai pemangkin perdagangan serantau


Oleh Henry Bating

LABUAN: Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) yakin suasana perniagaan masa kini yang terjejas pandemik COVID-19 dapat diurus ke arah perkembangan lebih baik dengan sokongan semua pihak berkepentingan. Ketua Pengarah Labuan FSA Datuk Danial Mah Abdullah berkata langkah-langkah strategik telah dilakukan untuk terus meletakkan Pusat Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa Labuan (Labuan IBFC) sebagai pemangkin perdagangan serantau.

"Ketika mana Labuan IBFC mengekalkan pertumbuhan sepanjang 2019, tahun 2020 merupakan tempoh mencabar dalam pasaran dunia akibat pandemik COVID-19 di samping penurunan harga minyak," katanya.

Danial berkata demikian ketika membuat hebahan rasmi tentang Laporan Labuan IBFC 2019 di sini semalam.

Katanya, dengan mengambil kira keadaan tidak menentu dalam perdagangan antarabangsa, maka Labuan FSA memantau situasi dan mengambil langkah-langkah pre-emptif bagi mengekalkan kestabilan dan kelestarian industri.



DANIAL MAH

Menurutnya, langkah melonggarkan peraturan untuk memberi keadilan kewangan dan pentadbiran diberikan kepada entiti perniagaan di Labuan bagi mengurangkan ke-

san dan gangguan pandemik ke atas operasi perniagaan.

Danial menegaskan Labuan FSA akan terus memantau keadaan untuk memastikan pusat-pusat operasi perniagaan dan perkhidmatan kekal tidak terjejas.

Beliau menjelaskan, pelbagai insentif akan dipertimbangkan ke atas kesan-kesan yang berlaku melalui libat sama dengan kalangan pengendali industri.

Ketika masa mencabar ini, katanya pelbagai entiti di Labuan termasuk institusi kewangan yang beroperasi dalam pelbagai pasaran dalam rantau Asia akan terus memberikan kemudahan perkhid-

matan dan perniagaan kepada kalangan pelanggan niaga.

"Bukan sahaja menjejaskan situasi perniagaan, pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan kesukaran hidup kepada penduduk tempatan Labuan," katanya.

Danial memaklumkan Labuan FSA beserta industri Labuan IBFC melalui Persatuan Perbankan, Persatuan Insurans Antarabangsa Labuan, Persatuan Amanah Labuan, Kumpulan Bank Pelaburan Labuan dan Persatuan Fintech Labuan telah mengembleng sumber untuk membantu masyarakat Labuan.